

29 JUN 2002

Najib-Pilihan Raya

UJIAN BESAR BUAT UMNO DAN BN DI KEDAH, KATA NAJIB

PEKAN, 29 Jun (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata pilihan raya kecil bagi kerusi Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri Kedah kawasan Anak Bukit bulan depan, adalah satu ujian besar dan getir kepada Umno.

"Ia bagi membolehkan kita melihat sejauh mana proses pemulihan politik (sokongan kembali kepada Umno) sudah menjadi realiti, dan sejauh mana ia dapat diterjemahkan pada pilihan raya kecil kali ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Koperasi Pekebun Kecil Pekan, di sini, hari ini.

Najib berkata bagi menjamin kejayaan Barisan Nasional pada pilihan raya kecil itu, setiap anggota Umno mesti bekerja keras untuk mendapatkan keyakinan dan sokongan pengundi di kawasan berkenaan.

Suruhanjaya Pilihan Raya hari ini menetapkan 10 Julai sebagai tarikh penamaan calon dan 18 Julai sebagai tarikh mengundi bagi kedua-dua pilihan raya itu. Ia diadakan berikutan kematian Presiden Pas Datuk Fadzil Noor, penyandang kedua-dua kerusi itu, pada Ahad lepas.

Ketika ditanya sama ada persiapan Umno dan BN akan terjejas berikutan keputusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk melepaskan semua jawatannya pada Oktober tahun depan, Najib berkata walaupun Perdana Menteri melahirkan hasrat melepaskan jawatannya, beliau juga telah menentukan peralihan yang tersusun dan telah menamakan penggantinya serta menyarankan agar anggota-anggota parti bekerjasama sebagai satu pasukan.

"Sebab itulah, penting bagi kita membuktikan perkara ini menjadi kejayaan pada pilihan raya kecil itu, katanya.

Menjawab soalan sama ada pengundi di kawasan berkenaan akan bersimpati kepada Pas berikutan kematian presiden parti itu, Najib berkata pengundi di situ harus memikirkan tentang masa depan mereka dan masa depan negara.

-- BERNAMA

MS MAI